

**KAJIAN PENGARUH MEDIA MASSA TERHADAP
REMAJA DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KAMPUS
SAMARAHAN**

Oleh

**HASLINA WASLI
SARINA ABU SEMAN
SYROL TAIP
YUSNIZA SAPIEE**

**FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
KAMPUS SAMARAHAN**

OKTOBER 2000

Senarai Kandungan

Surat Penyerahan	i
Penghargaan	ii
Abstrak	iii
Kandungan	iv
Susunan Bab	
Bab 1 Pengenalan	1
1.1 Skop Kajian	3
1.2 Objektif Kajian	4
1.3 Penyataan Masalah	5
1.4 Hipotesis Kajian	6
1.5 Kepentingan Kajian	7
1.6 Halangan Kajian	8
Bab 2 Tinjauan Literature	9
Bab 3 Metodologi Kajian	
3.1 Data Primer	22
3.2 Data Sekunder	24
Bab 4 Penemuan Kajian	
4.1 Latar Belakang Responden	26
4.2 Penemuan Kajian	29
4.3 Hasil Pengajian Hipotesis	55
Bab 5 Kesimpulan	
5.1 Kesimpulan	61
5.2 Cadangan	64
Bibliografi	66
Lampiran	68

ABSTRAK

Kajian ini adalah mengenai pengaruh media massa terhadap remaja di UiTM Kampus Samarahan. Pengaruh media massa terhadap remaja masa kini telah ditemui dengan membuat soal kaji selidik yang telah diedarkan kepada para responden khususnya di UiTM Kampus Samarahan. Di samping itu juga, kami juga telah menemuramah seramai tiga orang responden iaitu seorang pelajar Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), seorang kakitangan Jabatan Pendidikan Sarawak dan Pegawai Penasihat Agama Majlis Pembangunan Sosial. Responden di UiTM Kampus Samarahan telah memberi maklum balas dan begitu juga dengan orang yang telah ditemuramah. Kami telah dapat mengkaji daripada maklum balas tersebut dan mendapati bahawa banyak pengaruh negatif daripada kajian terhadap media massa. Walau bagaimanapun, masih ada segelintir yang masih menggunakan media massa sebagai suatu yang penting dan memberi manfaat.

Diploma Pentadbiran Awam
Fakulti Pentadbiran dan Undang-undang
Universiti Teknologi MARA Kampus Samarahan
Jalan Meranek
93400 Kota Samarahan

12 Oktober 2000

Encik Nicholas Amin
Ketua Program Diploma Pentadbiran Awam
Fakulti Pentadbiran dan Undang-undang
Universiti Teknologi MARA Kampus Samarahan
Jalan Meranek
93400 Kota Samarahan

Tuan

**LAPORAN BAGI KAJIAN PENGARUH MEDIA MASSA TERHADAP REMAJA
DI UiTM KAMPUS SAMARAHAN**


Dengan sukacitanya kami menyerahkan laporan mengenai Pengaruh Media Massa Terhadap Remaja UiTM Kampus Samarahan kepada pihak tuan untuk membuat penilaian dan komen-komen seperti mana yang dikehendaki bagi memenuhi syarat kajian Pentadbiran dan Undang-undang.

Untuk pengetahuan tuan, sepanjang menjalankan kaji selidik ini terdapat banyak perkara yang kami telah pelajari. Namun kami berharap segala maklumat dan laporan ini akan dapat memberikan panduan dan pengetahuan kepada mereka yang memerlukannya.


Oleh itu kami berharap agar pihak tuan dapat memberikan perhatian yang sewajarnya terhadap laporan kami ini. Segala pertimbangan dari pihak tuan kami dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,




(Sarina bt. Abu Seman)



(Haslina bt. Wasli)



(Syrol binti Taip)



(Yusniza binti Sapiee)

1.1 Skop Kajian

Skop kajian kami adalah meliputi kawasan di Universiti Teknologi MARA Kampus Sarawak. Kami hanya memilih saiz sampel yang sesuai di mana kami tidak memilih semua warga di UiTM Kampus Sarawak. Kami hanya memilih pelajar di peringkat Diploma iaitu Diploma Pentadbiran Awam, Diploma Kejuruteraan, Diploma Perakaunan, Diploma Perniagaan, Diploma Perbankan, Diploma Sains Komputer, Diploma Sains Kesetiausahaan dan Diploma Pengurusan Perladangan. Walau bagaimanapun tidak semua pelajar dari setiap jenis kursus yang dipilih kami hanya memilih 13 orang daripada setiap kursus iaitu dengan secara rawak.

Kajian kami lebih menumpukan tentang aspek pemahaman remaja tentang pengaruh media massa terhadap remaja di UiTM Kampus Sarawak. Selain itu, kesan media massa iaitu sama ada dari aspek kebaikan atau keburukan turut juga di beri perhatian.

Skop kajian ini juga, meliputi pandangan remaja atau pelajar serta kefahaman mereka berhubung dengan media massa ini. Selain itu, kami juga mengkaji tindak balas mereka untuk menangani kesan yang disebabkan oleh mereka tersebut. Oleh itu, dengan adanya tindak balas daripada responden akan mengemukakan langkah-langkah atau strategi yang lebih efektif dan efisien untuk menangani masalah-masalah yang disebabkan oleh mereka supaya tidak berlakunya penyelewengan di kalangan remaja atau pelajar di UiTM Kampus Sarawak khususnya.